

TARIKH : 03 MAC 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 5

## Syor pelaburan, industri berprofil tinggi dibawa ke luar bandar

# Syor pelaburan, industri berprofil tinggi dibawa ke luar bandar

### Usaha menarik perusahaan berkemahiran tinggi mampu martabat agenda Bumiputera

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mohd Nasaruddin Parzi  
b1news@b1.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan perlu memastikan kemusukhan pelaburan dan industri berprofil tinggi di bawah ke kawasan luar bandar bagi membantu memperkayakan ekonomi Bumiputera.

Itu antara rumusan dilontarkan Kluster Pembangunan Desa pada hari terakhir Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini semalam.

Pengerusinya, Datuk Seri Dr Md Awi Che Ahmad, berkata merekayasa aktiviti luar bandar dengan menarik industri berkemahiran sederhana dan tinggi amat penting dalam memartabat

kan agenda Bumiputera. "Contoh paling mudah seperti di Korea Selatan, ada Samsung City ada Hyundai Town, sama juga pembuatan (kenderaan) Ferrari, saya dimaklumkan bukan di Milan (Itali), sebaliknya beratus batu jauhnya dari Milan. "Kenapa kita di Malaysia tidak bawa industri berat atau sederhana ini ke luar bandar. Itulah harapan kita, bawa industri ke luar bandar agar luar bandar menjadi lebih mampan dan maju kerana 81 peratus penduduk luar bandar adalah Bumiputera," katanya.

Md Awi berkata, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) atau syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) perlu mempertanyakannya program kampung angkat seperti mana yang dilaksanakan PETRONAS.

Katanya, kerajaan boleh mengambil inisiatif memberikan insentif termasuk pengecualian cukai kepada syarikat berkenaan sekiranya berbuat demikian.

"Dengan sendirinya kawasan luar bandar akan tumbuh dengan lebih baik," katanya.

Belau turut mencadangkan Majlis Amanah Rakyat (MARA) diberi dana pembangunan usahawan yang lebih besar bagi meningkatkan penyertaan, pemilikan dan penguasaan (3P) dalam



kalangan Bumiputera. "Kerajaan selalu sebut pembangunan usahawan diberikan juga kepada agensi lain dan bank seperti SME bank, Agro Bank, tetapi kalau diberi kepada MARA, secara automatik ia menjadi hak milik Bumiputera. "Beri kepada MARA untuk pembangunan usahawan, sudah tentu untuk orang Bumiputera tetapi kalau beri kepada bank, kita belum tahu," katanya.

**Perluas program pelesenan**  
Sementara itu, Pengerusi Kluster Penguasaan Teknologi Baharu, Prof Tan Sri Dr Mazlan Othman, berkata resolusi yang dirumuskan pihaknya mencadangkan kerajaan memperluas peluang program pelesenan yang sesuai untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam penguasaan dan eksplorasi secara lestari sumber asli negara.



Kerajaan boleh mengambil inisiatif memberikan insentif termasuk pengecualian cukai kepada syarikat berkenaan sekiranya berbuat demikian

Dr Md Awi Che Ahmad, Pengerusi Kluster Pembangunan Desa

Katanya, sumber biodiversiti yang dimiliki negara tidak seharusnya disimpan begitu sahaja. "Ada cara untuk kita mengguna dan meneroka secara lestari termasuk perlindungan, pemuliharaan dan penguasaan biodiversiti serta sumber asli," katanya.

Selain itu, beliau mencadangkan supaya satu ekosistem meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam pembangunan teknologi lestari khusus peralihan tenaga seperti reaktor modul kecil, tenaga hijau, kitar semula bateri

dan panel solar, dibangunkan. "Dalam konteks keselamatan dan kedaulatan, resolusi kami ialah meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam menjadikan Malaysia sebagai peneraju dalam pengeluaran vaksin, halal serta beretika. "Pengalaman ketika COVID-19 jelas menunjukkan keberagutan kita kepada negara dan syarikat asing, menunggu ihuan mereka untuk mendapatkan vaksin, ini amat membimbangkan," katanya.

## 'Selesai dahulu isu infrastruktur asas di Sabah'

Aspek infrastruktur asas di Sabah perlu diselesaikan terlebih dahulu jika kerajaan mahu agenda ekonomi Bumiputera di negeri berkenaan diperkayakan.

Pengerusi Kluster Sosioekonomi Bumiputera Sabah, Prof Madya Datuk Dr Ramzah Dambuli, berkata infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air yang tidak sempurna akan membantutkan usaha terbabit.

"Masalah paling besar ialah infrastruktur sebab 75 peratus penduduk Bumiputera Sabah berada di luar bandar, jadi ia sangat kritikal.

"Kita berbilang banyak mana intervensi atau aktiviti ekonomi, diberikan ternak ayam telur

akhirnya tidak dapat dipasarkan kerana harga mengangkut telur ke pasar lebih tinggi daripada harga telur. "Akhirnya dia makan ayam itu, tidak perlu bertelur, habis begitu," katanya ketika membentangkan rumusan bagi Kluster Sosioekonomi Bumiputera Sabah pada hari terakhir Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini semalam.

Ramzah berkata, isu Bumiputera di Sabah agak beraliran kerana ia terbelang kait dengan isu utama iaitu infrastruktur.

"Isu kita sebenarnya bukan mengenai pancing, bukan mengenai memberi ikan. Isunya



Ramzah ketika menjadi ahli panel pada Sidang Pleno Sesi Libat Urus sempena KEB 2024 di Putrajaya. (Foto: Mohd Fadi Hamzah/BH)

ialah kolam itu sendiri tidak ada. Di Sabah kolam itu kecil, ikan itu penting juga dan memang kita hargai seperti TERAJU, MARA yang beri pancing dan ikan kepada Sabah, kita amat hargai. "Numun isunya kolam itu kecil, akhirnya rama pancing apa? Akhirnya hanya memancing

cinta sesama sendiri," katanya. Sementara itu, Pengerusi Kluster Sosioekonomi Bumiputera Sarawak, Tan Sri Mohamad Morshidi Abdul Ghani, berkata agenda pemerkasaan ekonomi Bumiputera di negeri berkenaan tidak lagi boleh sekadar menjadi retorik. "Sebaiknya, tindakan segera perlu dilakukan dengan melak-

sanakan intervensi sewajarnya. "Apa yang saya ingin rumuskan ialah pertama dari segi dasar seperti melaksanakan intervensi untuk membantu usahawan Bumiputera. "Kedua dari segi logistik dan infrastruktur yang perlu dibangunkan dan terakhir ialah bantuan seperti insentif cukai dan sebagainya," katanya.